

# KERATAN AKHBAR

JUDUL : Kita Reportes

TARIKH : 4 November 2022

SITASI :

M/S : -

Rahana MD.“Dah kenapa pulak? Perpustakaan Negara Malaysia mahu tamatkan perkhidmatan buku digital tahun 2023” *Kita Reportes*,4 November 2022

[https://www.nama.com.my/PRINT\\_NEWS/2022/11/04/20221104\\_N60\\_R3664\\_ZZ\\_0\\_FC\\_20221105-08042048.JPG](https://www.nama.com.my/PRINT_NEWS/2022/11/04/20221104_N60_R3664_ZZ_0_FC_20221105-08042048.JPG) Di akses pada 5 November 2022



Alam Canggih  
Selera Santai  
Bisnes Korporat  
Kisah Insan  
Gaya Hidup  
Menara Gading  
Kartun Komik  
Keluarga Malaysia



## ALAM CANGGIH

04 NOV, 2022.

**Dah kenapa pulak? Perpustakaan Negara Malaysia mahu tamatkan perkhidmatan buku digital pada 2023?**



@rahana\_md

Bekas Wartawan Utusan Malaysia yang pernah bertugas di Majalah Wanita dan akhbar di Ibu Pejabat Jalan Chan Sow Lin dan biro Kelantan.

Share this



Berita yang agak mengecewakan apabila 330 ribu pengguna digital tempatan bakal kehilangan akses kemudahan meminjam buku digital dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) apabila perkhidmatan tersebut akan ditamatkan mulai tahun hadapan (2023).

Xentral Methods Sdn Bhd dalam kenyataan medianya menegaskan, **vendor, ratusan penerbit dan penulis tempatan yang membekalkan kepada perpustakaan elektronik PNM yang lebih dikenali sebagai ELib mula menyuarakan kebimbangan.**

Penggunaan servis ELib ini sangat tinggi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan walaupun negara sudah memasuki fasa endemik, permintaan bagi perkhidmatan tersebut kekal tinggi dan lebih relevan.

[Lagi cerita-cerita menarik berkaitan berita perpustakaan](#)

**PERPUSTAKAAN DIGITAL**

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

82 juta bahan bacaan digital

Baca dalam talian secara PERCUMA

Daftar secara PERCUMA di [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my)

UNTUK PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:  
BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
03-2687 1776 / 1781 / 1892  
[bse@pnm.gov.my](mailto:bse@pnm.gov.my)

**SILA IMBAS**

www.pnm.gov.my Perpustakaan Negara Malaysia PNM\_Rasmi pnm\_rasmi pnmyoutube PNMrasmi pnmsejarahsocail2 pnm\_rasmi

Penggunaan tertinggi yang pernah dicatatkan bagi servis ini adalah pada 19 Mac 2020, hari kedua Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 (PKP), di mana sebanyak 24 ribu pengguna baharu berdaftar dalam masa satu hari.

Penggunaan tertinggi yang pernah dicatatkan bagi servis ini adalah pada 19 Mac 2020, hari kedua Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 (PKP), di mana sebanyak 24 ribu pengguna baharu berdaftar dalam masa satu hari.

Malah, penggunaan ELib telah meningkat lebih daripada dua kali ganda sebelum pandemik.

Dalam erti kata lain, **budaya membaca dan penggunaan servis perpustakaan digital telah menjadi kebiasaan dalam hidup harian**.

Terdahulu, PNM sudah pun menghentikan perolehan sejak dua tahun lalu dan hanya mengekalkan koleksi e-buku luar negara sahaja.

Bagi penerbit ilmiah pula, perolehan perpustakaan merupakan pendapatan utama mereka kerana judul-judul ilmiah tidak mudah untuk dijual di pasaran terbuka.

The advertisement features a colorful background with geometric shapes. At the top right is the coat of arms of Malaysia and the text "KEMENTERIAN PELANGGAN, SERTAI DAN BISNIS PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA". The central message is "U-PUSTAKA BANYAK MENYEDIAKAN BAHAN BACAAN E-BUKU 69,593 JUDUL TERMASUKLAH E-BUKU TEMPATAN". It shows three book covers: "SEJURNI Kasih Adam STUTIH Cinta Hawa" (red cover), "zinkan AKU MENCINTAI DIA" (white cover), and "MY LOVELY Tengku" (black cover with a crown). Logos for OneDrive, libby, Elib, and the National Library of Malaysia are present. Below the main text is "DAFTAR AHLI U-PUSTAKA SECARA PERCUMA MELALUI [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my)". Social media links for PNM include YouTube, Facebook, Twitter, Instagram, and TikTok. Contact information at the bottom right includes "Hubungi kami: Bahagian Sumber Elektronik Perpustakaan Negara Malaysia Tel: 03-26871776/ 1781/ 1891 Emel: bse@pnm.gov.my".

Pengarah Urusan [Xentral Methods Sdn Bhd](#), Faiz Al-Shahab berkata, tindakan PNM ini agak mengecewakan kerana pinjaman buku elektronik atau ELib adalah antara perkhidmatan mereka yang berjaya.

"Saya berasa amat **bingung dan tidak faham mengapa Perpustakaan Negara tidak berusaha untuk memperjuangkan peruntukan bajet bagi salah satu perkhidmatan mereka yang berjaya?**

"Saya boleh faham jika mereka mengabaikan perkhidmatan yang tidak berprestasi, tetapi untuk menamatkan satu fasiliti yang sangat efisien untuk orang awam mendapatkan bahan bacaan ia sangat dikesali," katanya.



## TAHUKAH ANDA?



**22** pilihan pangkalan data yang di langgan oleh PNM.

Kami mempunyai lebih **82 juta** kandungan rujukan digital dalam pelbagai jenis bahan dan format.

**24/7** Untuk lebih mudah, kami buka 24 jam tanpa henti selama 7 hari dalam seminggu.



PNMrasmi



pnmytube



pn\_m\_rasmi



www.pnm.gov.my



PNM\_Rasmi



PerpustakaanNegaraMalaysia



pnmsaluransosial2

**DAFTAR  
PERCUMA !**

Maklum balas yang diterima daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia pada pertengahan tahun ini menunjukkan terdapat kekangan dalam membuat perolehan secara am walaupun untuk perolehan bersaiz kecil.

Maklum balas yang diterima daripada **Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia** pada pertengahan tahun ini menunjukkan **terdapat kekangan dalam membuat perolehan secara am walaupun untuk perolehan bersaiz kecil.**

Ini menunjukkan terdapat krisis kewangan yang lebih besar dalam institusi mereka.

Fasiliti pinjaman e-buku mula diperkenalkan oleh pihak PNM pada awal tahun 2012 sebagai salah satu usaha negara untuk menggalakkan budaya pembacaan digital apabila mendapati bahawa terdapat penurunan dalam jumlah pengunjung ke perpustakaan.

Walaupun pada mulanya sambutan terhadap perkhidmatan pinjaman e-buku ini tidak begitu memberangsangkan, ia mula mendapat sambutan yang hangat menjelang tahun 2015 apabila perkhidmatan tersebut menjadi tular dan mula menerima lebih daripada 100 ribu pengguna berdaftar.

Sejak itu, kemudahan pinjaman e-buku banyak menyajikan banyak judul terbitan tempatan termasuk koleksi novel-novel drama adaptasi terkenal dan telah mula mencapai kadar pinjaman yang tinggi berbanding pinjaman buku bercetak dari perpustakaan fizikal.

Pihak industri ini berhasrat untuk bersemuka secara terus dengan pihak Kementerian yang terlibat, iaitu Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, agar kemelut kesusasteraan ini dapat dibincangkan dan penyelesaian untuk mengatasi krisis ini dapat ditentukan, sebelum budaya membaca di Malaysia terus tenggelam. - **KitaReporters**

